

03/01/1997

Maju Holdings azam pulih Perwaja

Azizi Othman

MAJU Holdings Sdn Bhd (Maju Holdings), yang akan menerajui pemulihan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja Steel), berazam memastikan proses itu dijayakan dengan secepat mungkin dan sebaik-baiknya, sejajar aspirasi negara.

Ketua Eksekutif Perwaja Steel, Abu Talib Mohamed, berkata semua 3,608 kakitangan syarikat itu dan Maju Holdings, gembira dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelantikannya dalam usaha itu.

Katanya, Maju Holdings gembira dan berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan yang memberinya kepercayaan untuk usaha itu serta akan mencuba sedaya upaya memenuhi kehendak dan cita-cita negara.

"Ketika ini, kami boleh dikatakan mengadakan rundingan setiap hari dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan pihak berkuasa lain dalam mengusahakan pelan penswastaaan dan pemulihan Perwaja Steel.

"Kami amat berterima kasih dengan kerjasama erat yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan usaha terbabit," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Shah Alam, semalam.

Abu Talib yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Maju, berkata peningkatan produktiviti, mutu dan khidmat pelanggan yang dicapai Perwaja Steel baru-baru ini membuktikan kesungguhan pihaknya menjayakan pemulihan itu.

"Bagaimanapun, sebelum mendapat maklumat rasmi daripada kerajaan mengenai pelantikan itu, kami tidak dapat membuat sebarang pengumuman mengenai rancangan yang akan dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, ketika dihubungi di Gurun, Abu Talib, berkata Maju Holdings gembira dengan pemberian 51 peratus ekuiti itu tetapi belum bersedia membuat sebarang komen mengenai langkah seterusnya yang akan diambil.

"Kami juga masih menunggu surat pelantikan rasmi dan butiran terperinci mengenai maklumat bahawa kerajaan bersedia untuk menyerap hutang Perwaja bagi membolehkannya beroperasi dengan lebih lancar," katanya.

Selain itu, katanya, beberapa persoalan lain juga masih belum dijelaskan oleh pihak EPU mengenai 51 peratus ekuiti yang akan diberikan iaitu sama ada ia adalah dalam Perwaja Steel atau Perwaja Terengganu Sdn Bhd.

Perwaja Terengganu ialah syarikat induk Perwaja Steel yang mengambil alih operasi pengeluaran besi dan keluli syarikat itu selepas ia menghadapi masalah kewangan kali pertama hampir sedekad lalu.

Abu Talib berkata, pihaknya masih menunggu pengumuman lengkap mengenai bagaimana hutang itu akan diserap oleh kerajaan dan dalam bentuk apa proses itu dilaksanakan.

"Banyak lagi yang masih belum kami ketahui ketika ini tetapi Perwaja Steel dan Maju Holdings pasti akan membuat pengumuman lengkap mengenainya sebaik saja ia diketahui dan apabila bersedia," katanya.

Sementara itu, kalangan penganalisis sebulat suara berpendapat bahawa langkah kerajaan menyerap kerugian syarikat itu menjadikan usaha menyelamatkan lebih berdaya maju dan mungkin menarik minat pelabur lain.

Seorang penganalisis di sebuah firma broker saham berkata, pemulihan Perwaja akan memerlukan suntikan modal baru yang dianggar berjumlah di antara RM1.2 bilion dan RM1.6 bilion.

Kelmarin, Perdana Menteri, mengumumkan kerajaan bersedia menyerap kerugian Perwaja sebagai satu daripada usaha menambah daya maju proses pemulihannya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan tidak akan menyuntik dana baru untuk membantu Perwaja sebaliknya ia perlu dilakukan sendiri Maju Holdings yang akan menerajui proses pemulihan itu.

Dr Mahathir tidak menyebut nilai atau menjelaskan dengan terperinci maksud sebenar kerugian Perwaja yang akan diserap kerajaan itu tetapi penganalisis berpendapat ia mungkin kerugian terkumpul syarikat itu berjumlah RM2.9 bilion.

Perwaja, yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melonjakkan proses perindustrian negara, mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM2.9 bilion sehingga tahun lalu berikutan dakwaan salah laku pengurusannya.

Menurut Dr Mahathir, selain Maju Holdings yang akan memegang 51 peratus ekuiti, baki saham Perwaja akan dimiliki 19 peratus oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan 30 peratus lagi Kerajaan Pusat.

(END)